

PERISYTIHARAN JUALAN

PEJABAT TANAH BANDAR BAHARU, KEDAH DARU AMAN
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN (PTBB/Q/01/2018)

Dalam Perkara mengenai Hakmilik PM 41 Lot 6741, Mukim Bagan Samak, Daerah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman

Dan

Dalam Perkara mengenai Perintah Jualan Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 24hb. Mei 2018

Antara

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD

... PEMEGANG GADAIAN

Dan

NAZRIN BIN ISHAK (NO. K/P: 681121-07-5241)

... PENGGADAI

Dalam menjalankan Perintah Pentadbir Tanah Bandar Baharu, Kedah yang diperbuat dalam perkara yang tersebut di atas bertarikh 24hb Mei 2018 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Bandar Baharu, Kedah dengan dibantu oleh JURULELONG yang tersebut di bawah:-

AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM PADA:

HARI RABU 18HB JULAI 2018, JAM : 10.00 PAGI

DI PEJABAT TANAH BANDAR BAHARU, 09600 SERDANG, KEDAH

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian hakmilik secara rasmi di pejabat tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan leong

BUTIR-BUTIR HARTANAH:

NO. HAKMILIK TANAH	: PM 41
NOMBOR LOT	: LOT 6741
BANDAR/PEKAN/MUKIM	: MUKIM BAGAN SAMAK
DAERAH/NEGERI	: BANDAR BAHARU/KEDAH
KELUASAN TANAH	: 1.849 HEKTAR (4.5690 EKAR)
CUKAI TAHUNAN	: RM56.00
TARAF PEGANGAN	: PAJAKAN 99 TAHUN (Pajakan tamat pada 17 OKtober 2097)
KAWASAN RIZAB	: PENGISYTIHARAN REZAB MELAYU
PEMILIK BERDAFTAR	: NAZRIN BIN ISHAK (NO. K/P: 681121-07-5241) -1/1 BAHAGIAN
KEGUNAAN TANAH	: PERTANIAN
SYARAT NYATA	: TANAMAN GETAH

1. Tanah yang terkandung dalam Hakmilik ini hendaklah ditanam dengan pokok getah. Walau bagaimanapun tanaman-tanaman lain boleh juga ditanam di atas tanah ini dengan syarat pemilik tanah hendaklah memberitahu Pemungut Hasil Tanah terlebih dahulu akan pertukaran jenis tanaman itu serta keluasan tanaman tersebut.
2. Tidak lebih dari 1/10 Bahagian daripada tanah ini boleh digunakan untuk bangunan-bangunan yang dibenarkan oleh Seksyen 115(4), Kanun Tanah Negara.

SEKATAN KEPENTINGAN : Ditegah dibuat sebarang perkiraan kecuali gadaian di dalam Tempoh sepuluh tahun, dikira dari tarikh daftar surat hakmili, melainkan dengan kebenaran Menteri Besar Kedah.

BEBANAN : Digadaikan kepada **BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD** melalui **No. Perserahan 381/20019 yang didaftarkan pada 09hb. Jun 2009**

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH

- Hartanah merupakan sebidang tanah pertanian yang terletak di kawasan Permatang Simpoh, Jalan Bandar Baharu-Serdang, Bandar Baharu, Kedah.
- Kedudukan hartanah ini adalah kira-kira 16.7 kilometer ke Barat Daya dari Pekan Serdang dan kira-kira 18.9 kilometer ke Timur Laut dari Pekan Bandar Baharu, Kedah.
- Lokasi hartanah: **PERMATANG SIMPOR, MUKIM BAGAN SAMAK, BANDAR BAHARU, KEDAH**

HARGA RIZAB : RM80,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: LAPAN PULUH RIBU SAHAJA)

Hartanah tersebut akan dijual tertakluk kepada satu Harga Rizab sebanyak RM80,000.00 dan syarat syarat jualan yang dicetak di Perisytiharan Jualan. Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki menandatangani 10% daripada **Harga Rizab** dalam bentuk bank draf atas nama "**BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD**" pada hari lelongan awam. Jika berlaku kenaikan harga semasa lelongan maka perbezaan Harga Rizab 10% itu hendaklah dijelaskan selepas lelongan tersebut. Baki keseluruhan 90% hendaklah dijelaskan dalam tempoh 120 hari kepada "**BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD**". Jika gagal, bayaran 10% tidak akan dikembalikan.

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan **Tetuan Shariful Azhar & Partners, No. 30A, Tingkat Satu, Lorong Bertam Indah 1, Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.** (No. Rujukan: **SA/KB/BPMB(BW)3531/14(FC)-MIE**), Pentadbir Tanah Bandar Baharu, Kedah (Unit Lelong) atau Jurulelong tersebut dibawah:

NASRUL BIN ABU HASSAN

No. 129 Taman Cenderawasih,

Jalan Datuk Kumbang,

05300 Alor Setar, Kedah.

NO. TEL : 012-5507757